



HAJI OMAR BIN SOFIAN  
PEMENANG ANUGERAH PELADANG JAYA  
LELAKI KEBANGSAAN 2016

04



PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN  
KUALA LANGAT;  
PEMENANG ANUGERAH PERTUBUHAN  
PELADANG JAYA KEBANGSAAN 2016



10

UNIT PELADANG KAMPUNG SAUJANA,  
SETIU;  
PEMENANG ANUGERAH UNIT PELADANG  
JAYA KEBANGSAAN 2016



06

SITI NORAINI BINTI HAJI MARKROM  
PEMENANG ANUGERAH  
PELADANG JAYA WANITA KEBANGSAAN  
2016

# KANDUNGAN

## Inovasi Pengurusan ICT PP Terbaik 2016

Pertubuhan Peladang Kawasan Muar Selatan  
Jualan Atas Talian (Shopping Cart)

11

## Inovasi Pengurusan Projek Pengeluaran PP Terbaik 2016 (Kategori Ternakair)

Pertubuhan Peladang Kawasan Merlimau  
Penggunaan Pukat Tangkul Dalam Penuaian Udang Marin

11

## Inovasi Pengurusan Projek Pengeluaran PP Terbaik 2016 (Kategori Tanaman)

Pertubuhan Peladang Kawasan Gerik Kaedah Inovasi Tanaman (KIT) Sistem Fertigasi

11

## Inovasi Pengurusan PP Lahir Peladang Progresif 2016

Pertubuhan Peladang Kawasan Kampung Gajah  
Teknik Fogging Dalam Semburan Racun Serangga

12

## Inovasi Pengurusan LPP Negeri Terbaik 2016

Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Melaka  
Infoblast Messaging System

13

## Inovasi Pengurusan Bahagian Ibu Pejabat LPP Terbaik 2016

Bahagian Penyeliaan Dan Penguatkuasaan Pengkalan Data Bahagian

14

## Inovasi Pengurusan PPN Jentera Terbaik 2016

Pertubuhan Peladang Jentera Perak Utara Ciptaan "Trans Cage Wheel"

14

## Inovasi Pengurusan Pemasaran Terbaik 2016

Pertubuhan Peladang Negeri Johor Penghapusan Segmen Borong Kepada Segmen Tunai

15

## Inovasi Pengurusan Unit Peladang Aktif 2016

Pertubuhan Peladang Kawasan Tawau Perkhidmatan Pinjaman Pembangunan Usahawan Peladang (PUP)

16

## Inovasi Pengurusan Projek Pengeluaran Terbaik 2016 (Kategori Ternakan)

Pertubuhan Peladang Negeri Perak Lembu Integrasi Secara Pusingan Ragutan

17

## Inovasi Pengurusan Industri Asas Tani Terbaik 2016

Pertubuhan Peladang Kawasan Lahar Babu Mesin Semburan Untuk Rawatan Benih Padi Dengan Menggunakan Herba

17

## Inovasi Pengurusan Perniagaan PPN Terbaik 2016

Pertubuhan Peladang Jentera Negeri Pulau Pinang Ciptaan FeLeSe

18



# HAJI OMAR BIN SOFIAN PEMENANG ANUGERAH PELADANG JAYA LELAKI KEBANGSAAN 2016

Oleh: Haji Rosli bin Yaakub

Tahap pendidikan Haji Omar bin Sofian setakat darjah Enam sahaja. Namun keinginan dan semangat tinggi beliau membawa kejayaan kepadanya. Beliau mula secara kecil-kecilan sahaja dan mula mengorak langkah setelah menimba pengalaman dan ilmu secukupnya.

Selepas tamat persekolahan beliau membuat kerja-kerja sendiri membantu di kebun kelapa milik keluarganya. Masa berlalu beliau mula memikirkan untuk mengembangkan pekerjaan. Ibarat kata, "kalau tidak dipecah ruyong mana nak dapat sagunya".

Haji Omar mengorak langkah memulakan pekerjaan jual beli kelapa dengan bermodalkan RM2,500. Beliau membeli kelapa di sekitar Bagan Datoh kemudian menjualnya melalui orang tengah yang datang dari sekitar Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kedah. Ketika itu beliau tidak mempunyai kenderaan selain dari motorsikal. Bilangan kelapa yang dapat

dijual pula sentiasa meningkat sekitar 500 biji hingga 1,000 biji sehari.

Ketika menjalankan perniagaan tersebut beliau mula berfikir bahawa keuntungan yang diperolehi adalah kurang. Mengambil semangat yang ditiupkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani "Jihat Memerangi Orang Tengah", beliau mengorak langkah menjalankan pemasaran sendiri. Memandangkan bekalan kelapa mudah didapati di sekitar Bagan Datoh, beliau mengambil keputusan memasarkan sendiri kelapa dan mula berniaga santan pula.

Daripada berniaga jual beli kelapa dan perniagaan santan kelapa secara kecil-kecilan beliau memperoleh keuntungan untuk meneruskan perniagaannya di Pasar Besar Ipoh, yang kini kenali sebagai UTC Ipoh. Sebanyak 1,500 biji kelapa diproses setiap hari dijadikan santan. Pada ketika itu, tidak ramai yang berniaga santan dan permintaan amatlah tinggi.

Seterusnya, beliau telah ditawarkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) satu lot kedai untuk bermiaga di Pasar Borong Selangor. Walau bagaimanapun, beliau telah mendapat dua lot kedai lagi untuk bermiaga buah-buahan dan kelapa disitu. Perniagaan beliau terus berkembang sehingga kini.

Pendapatan dari perniagaan berkenaan beliau gunakan sebagai modal membeli tanah pertanian dan mengusahakan tanah terbiar di sekitar tempat beliau bagi menjalankan projek-projek pertanian dan pengeluaran makanan. Antara projek utama yang dijalankan adalah kebun kelapa MATAG.

Bagi perusahaan kelapa MATAG keluasan projek tersebut adalah 6.4 hektar yang boleh menghasilkan 106,400 biji setahun. Selain kelapa MATAG yang dijual secara terus, Haji Omar juga mengeluarkan produk hiliran dari kelapa kampung seperti kerisik, jelly kelapa di samping projek membuat arang dari tempurung kelapa.

Peladang Jaya ini juga mengusahakan ladang kelapa sawit berserta sebuah pusat timbang, mengusahakan tanaman pisang, tanaman durian belanda serta sayuran bermusim.

Satu lagi projek utama yang dijalankan oleh Haji Omar iaitu menguruskan pusat pengumpulan hasil pertanian. Sepanjang tahun 2015 isipadu perniagaan dari projek tersebut adalah sebanyak RM5.8 juta. Pusat pengumpulan hasil pertanian ini mendapat gran bantuan dari LPP digunakan bagi mengumpulkan hasil pertanian beliau dan peladang-peladang sekitar Bagan Datoh bagi dipasarkan di situ dan tempat lain yang dikenalpasti.

Haji Omar juga telah melaksanakan beberapa inovasi, seperti menggunakan sisa hampas kelapa sebagai makanan ternakan dengan kaedahnya menggaulkan sisa hampas kelapa dengan gula merah. Makanan ini sebagai tambahan kepada makanan haiwan ternakan bagi meningkat tumbesaran dan kesuburan.

Harapan Haji Omar ingin meneruskan usaha dan membesarkan lagi Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian serta menambahbaik perniagaan yang sedia ada, menjadi usahawan pemasaran kelapa terbaik Malaysia. Beliau juga ingin melaksanakan projek tanaman sayuran (cili) dan buah-buahan (Rock Melon) secara fertigasi, di samping membangunkan tanah terbiar untuk dibangunkan dengan tanaman kelapa MATAG.



# SITI NORAINI BINTI HAJI MARKROM PEMENANG ANUGERAH PELADANG JAYA WANITA KEBANGSAAN 2016

Oleh: Haji Rosli bin Yaakub

Bermula secara kecil-kecilan, Siti Noraini binti Haji Markrom mula menceburি bidang perniagaan makanan ringan bagi memenuhi masa lapang dan semasa musim perayaan sahaja. Bermula tahun 1982 Siti Noraini mula menggiatkan mengeluarkan kuih dan biskut tradisional dengan bermoto “Biskut Resipi Bonda”.

Pada tahun 1996 perniagaan Siti Noraini telah beroperasi sepenuhnya menggunakan jenama ‘ANI Biskut’ dengan keluaran kuih dan biskut tradisional seperti kuih bangkit kelapa dan kuih lipat ditambah dengan produk kerepek ubi.

Selepas itu perniagaan kerepek Siti Noraini berkembang pesat. Bermula dengan pasaran tempatan yang di bantu oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Batu Laut, Siti Noraini telah mengorak langkah bekerjasama dengan sebuah syarikat antarabangsa Syarikat Woonderfood memasarkan kerepeknya ke luar negara seperti Melbourne dan Peth, Australia. Untuk tahun 2015 perniagaan ini mencecah RM1.5 juta.

Masalah yang selalu dihadapai bagi pengeluaran kerepek adalah bekalan bahan mentah yang tidak menentu. Bagi mengatasi masalah bekalan bahan



mentah Siti Noraini telah mendapatkan kawasan seluas 60 ekar bagi tanaman ubi kayu dan sedikit tanaman pisang. Dengan bekalan bahan mentah yang cukup beliau boleh memberi jaminan tempahan bekalan kepada pelanggan tempatan dan luar negara berterusan.

Selain daripada perniagaan pemprosesan makanan ringan Siti Noraini juga membuat projek tanaman nenas seluas 50 ekar yang memberi pendapatan sebanyak RM1.2 juta setahun, projek tanaman kelapa sawit seluas 7 ekar dan projek ternakan lembu fidlot sebanyak 40 ekor.

Walaupun sibuk dengan perniagaannya Siti Noraini sempat meluangkan masa bagi bergiat aktif di

dalam kegiatan masyarakat. Beliau merupakan Timbalan Pengerusi PeladangNita PPK Batu Laut, Ahli Jawatankuasa Unit Kundang Timur dan Ahli Jawatankuasa Komuniti Kg. Kundang Timur.

Beliau juga melaksanakan program-program peningkatan ekonomi kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah bagi peserta di bawah KKLW. Selain dari itu, tempat pemprosesan kerepek beliau jadikan pusat kursus industri kerepek untuk pegawai IAT Jabatan Pertanian Negeri Sarawak.

Siti Noraini bercita-cita meluaskan lagi perusahaannya dengan membuka pasaran tempatan dan luar negara dan mempelbagaikan lagi keluaran bahan makanan dan produk industri asas tani.





# PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN KUALA LANGAT; PEMENANG ANUGERAH PERTUBUHAN PELADANG JAYA KEBANGSAAN 2016

Oleh: Haji Rosli bin Yaakub

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat telah didaftarkan pada 12 Julai 1983 mempunyai 32 Unit Peladang dan melibatkan keluasan 834 km persegi. Pejabat PPK Kuala Langat terletak di Banting, Kuala Langat, Selangor dan Pejabat Cawangan serta Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian pula terletak di Telok Panglima Garang.

Antara faktor kejayaan PPK Kuala Langat adalah gandingan mantap Ahli Jemaah Pengarah (AJP) bersama Pengurusan PPK tersebut. Encik Abdul Razak bin Khasbullah, Pengerusi AJP menyatakan gandingan ini telah membolehkan PPK memperolehi pendapatan sebanyak RM17.36 juta dan mencatat keuntungan bersih bernilai RM607 ribu pada tahun 2015.

Aktiviti utama yang dijalankan oleh PPK Kuala Langat sepanjang tahun 2015 terdiri daripada jualan barang bekalan ladang, jualan barang pengguna, pemasaran kelapa sawit, sewa bangunan, jualan benih kelapa sawit, pengangkutan, projek tanaman fertigasi cili, rock melon, sayur-sayuran, projek pusat pengumpulan hasil ladang dan kerja kontrak ladang.

Menurut Encik Mohd. Shakran bin Shamsudin, Pengurus Besar PPK Kuala Langat bermula tahun 2010 PPK Kuala Langat telah memberi tumpuan kepada dua aktiviti ekonomi utama iaitu projek ternakan lembu dan projek tanaman cili fertigasi.

Sehingga kini seramai 17 orang penternak lembu telah diwujudkan. PPK mengambil usaha memasarkan lembu tersebut secara terus. Bagi pemasaran lembu korban pada tahun 2015, sebanyak 1062 ekor lembu telah dapat dipasarkan dengan nilai urusniaga RM4.6 juta.

Manakala projek tanaman cili fertigasi dimulakan pada tahun 2015 bermula dengan penglibatan seramai lima orang usahawan, namun dengan slogan "Jom Sertai Kami", PPK telah dapat mewujudkan seramai 300 orang usahawan cili fertigasi. Jumlah cili yang dipasarkan pada tahun 2015 sebanyak 200 mt. Dijangkakan pengeluaran cili akan bertambah

disekitar 400 mt pada akhir tahun 2016 yang akan dipasarkan melalui pusat pengumpulan hasil PPK Kuala Langat.

PPK Kuala Langat telah melaksanakan beberapa inovasi dalam usaha menjimatkan kos pengeluaran. Menggunakan karpet tebal terpakai untuk penutup bumi di projek fertigasi. Fertigasi bertingkat untuk memaksimakan penggunaan tanah. Penggunaan 'Decanti Cake' menggantikan dedak di projek ternakan lembu fidlot dan penggunaan 'tagging system' ke atas lembu korban bagi memastikan pembeli menerima lembu yang dipilih.





## **UNIT PELADANG KAMPUNG SAUJANA, SETIU; PEMENANG ANUGERAH UNIT PELADANG JAYA KEBANGSAAN 2016**

Oleh: Haji Rosli bin Yaakub

Unit Peladang Kampung Saujana ditubuhkan pada 1985 di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Setiu. Unit Peladang ini mempunyai anggota seramai 122 orang. Kebanyakan anggotanya terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang pertanian.

Menurut Tuan Haji Mohd. Saipudin bin Abas, Pengurus Besar PPK Setiu, Unit Peladang Kampung Saujana ini adalah antara unit peladang yang paling aktif di Setiu.

Unit Peladang Kampung Saujana di tadbir oleh seorang Ketua Unit dibantu oleh empat orang ahli jawatankuasa yang dipilih dalam mesyuarat agung unit. Tuan Haji Zainal Abidin bin Mohamed sebagai Ketua Unit menyatakan kejayaan unit ini adalah atas semangat kerjasama antara ahli jawatankuasa unit dan anggota di unit tersebut.

Mempunyai jumlah saham di PPK sebanyak RM 27,500 dan jumlah simpanan di PPK adalah sebanyak RM8,500. Unit peladang ini telah menjalankan beberapa projek pertanian, projek perniagaan industri asas tani, projek pemprosesan makanan,

dan projek bukan pertanian. Dalam menjalankan perniagaan tersebut unit peladang telah memperolehi hasil pendapatan yang memberansangkan.

Projek pertanian, pengeluran dan pemprosesan makanan yang dijalankan di unit peladang ini projek tanaman vitato seluas 20 ekar, tanaman sayur dan jagung sistem terbuka 20 ekar, tanaman sayuran fertigasi 3000 bag, ternakan ikan marin 20 sangkar.

Projek Pertanian lain, Unit Peladang Kampung Saujana telah menghasilkan madu kelulut 80 koloni, selain perusahaan pemprosesan makanan melalui keropok ikan, cili giling dan perusahaan ragi serta tapai.

Unit Peladang Kg Saujana bergiat aktif di dalam kegiatan masyarakat sering melakukan aktiviti sosial seperti lawatan, gotong-royong, program Hari Raya, program masakan Peladang Nita dan Program Bubur Lambuk.

Harapan pada masa hadapan unit peladang ini ingin mempelbagaikan aktiviti masyarakat dan meningkatkan pengeluaran pengeluaran makanan yang dijalankan.



## INOVASI PENGURUSAN ICT PP TERBAIK 2016

**Pertubuhan Peladang Kawasan  
Muar Selatan  
Jualan Atas Talian (Shopping Cart)**

Oleh: Norsidah binti Haji Mohd Nor

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Muar Selatan dengan diterajui oleh Encik Mohd Zairey bin Yahya telah mengurus perkakasan ICT dengan sebaiknya. PPK Muar Selatan melantik seorang pegawai bagi menjaga hal ehwal ICT di PPK. Pegawai yang dilantik akan mengemaskini dan melakukan kerja-kerja dokumentasi dengan lengkap. Seramai tujuh orang termasuk Pengurus Besar telah menganggotai Jawatankuasa ICT (JICT) PPK bagi mengurus dan memantau perlaksanaan ICT di PPK.

Kecemerlangan PPK ini turut dapat dilihat dari segi pengurusan rekod dan fail ICT. Rekod-rekod dan fail-fail yang berkaitan ICT diuruskan dengan lengkap, kemas dan sempurna. Antara fail-fail dan rekod-rekod tersebut adalah Rekod Daftar Harta ICT, Fail Penyelenggaraan Rangkaian dan Perkakasan, Fail Sistem Aplikasi, Fail Pelbagai, dan Fail Biro Teknologi Maklumat. CD Perisian, Antivirus dan CD Recovery turut disimpan dengan kemas dan teratur di kabinet berkunci.

PPK Muar Selatan telah menjalankan inovasi ICT yang dapat memudahkan aktiviti pemasaran produk pertanian, barang input dan produk IKS. Inovasi yang dijalankan adalah Jualan Atas Talian atau disebut sebagai Shopping Cart. Sebelum pembangunan web Shopping Cart ini, hebatnya penjualan dibuat secara manual iaitu melalui cetakan banner, flyers dan kain rentang oleh ketua-ketua unit. Walaubagaimanapun, dengan adanya web Shopping Cart ini, aktiviti pembelian dan penjualan boleh dibuat secara online. Kelebihan web Shopping Cart ini adalah dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga kerja. Pengeluaran produk yang diusahakan oleh PPK dapat ditingkatkan iaitu sebanyak RM14,473 (141 peratus) sehingga Mei 2016. Inovasi yang dilaksanakan ini telah mendapat pengiktirafan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Johor dengan mendapat Johan dalam Anugerah Inovasi 2014, Kategori Pengurusan ICT Terbaik dan Anugerah Inovasi 2015 bagi kategori yang sama.

## INOVASI PENGURUSAN PROJEK PENGELUARAN PP TERBAIK 2016 (KATEGORI TERNAKAIR)

**Pertubuhan Peladang Kawasan  
Merlimau  
Penggunaan Pukat Tangkul Dalam  
Penuaian Udang Marin**

Oleh: Norsidah binti Haji Mohd Nor

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merlimau telah menjalankan projek ternakair udang marin dengan keluasan projek 2.83 hektar. Projek ini telah diusahakan oleh seorang usahawan bimbingan PPK Merlimau. Kuantiti pengeluaran yang diperolehi melalui projek ini adalah sebanyak 30 Metrik Tan dengan nilai pengeluaran RM900,000. Walaubagaimanapun, kos pengeluaran projek ternakair udang marin ini adalah sebanyak RM270,00 dan nilai keuntungan bersih pula sebanyak RM630,000. Dengan nilai keuntungan dan hasil pengeluaran yang membanggakan ini, PPK Merlimau telah mensasarkan sebanyak 50 Metrik Tan bagi pengeluaran udang marin pada masa akan datang.

Kejayaan PPK Merlimau ini dibantu oleh inovasi yang diwujudkan bagi memudahkan pengendalian hasil pengeluaran udang marin. PPK ini telah mengasilkan sebuah pukat tangkul yang menjimatkan masa menuai udang marin dari 5 jam kepada 1 jam. Inovasi pukat tangkul ini telah menyumbang kepada penjimatkan kos bahan daripada RM10,000 kepada RM3,000. Tenaga kerja turut dapat dijimatkan iaitu dari 5 orang kepada 2 orang. Kejayaan yang terbesar diperolehi daripada inovasi pukat tangkul ini adalah peningkatan pengeluaran hasil udang marin iaitu dari 10 tan kepada 25 tan.



# INOVASI PENGURUSAN PROJEK PENGETAHUAN PP TERBAIK 2016 (KATEGORI TANAMAN)

## Pertubuhan Peladang Kawasan Gerik Kaedah Inovasi Tanaman (KIT) Sistem Fertigasi

Oleh: Norsidah binti Haji Mohd Nor

Anugerah ini diterima oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gerik diatas kecemerlangan dalam menjalankan Kaedah Inovasi Tanaman (KIT) Sistem Fertigasi bagi tanaman yang diusahakan oleh mereka. Dari segi pengurusan projek, PPK Gerik merekodkan dokumen dengan baik dan bersistematik. Kejayaan projek ini turut dibantu oleh tenaga kerja yang mahir dan berpengalaman dalam pengurusan Sistem Fertigasi. Laporan bertulis turut dibuat oleh usahawan dan pekerja am bagi memantau pengeluaran hasil tanaman sistem fertigasi ini.

Kelebihan sistem fertigasi ini antaranya adalah pengendaliannya hampir keseluruhan digerakkan oleh *timer* dan dapat dikendalikan dengan mudah. Penjadualan penanaman dapat dilakukan secara sistematik melalui KIT Fertigasi ini. Tambahan lagi, PPK turut memperbanyakkan penggunaan bahan organik tanpa menggunakan bahan kimia. Kelebihan KIT Fertigasi ini juga ia dapat mewujudkan sebuah lanskap tanaman yang menarik dan hasil yang maksimum pada ruang yang terhad. Malah, perbelanjaan dapur dapat dikurangkan dengan penggunaan sendiri hasil tanaman ini.

Pencapaian PPK Gerik yang amat membanggakan adalah apabila penyeragaman inovasi telah dilaksanakan di PPK dan beberapa buah sekolah serta institusi seperti PPK Labuan, Rumah Persatuan Ibu-ibu Tunggal Gerik, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perak, Sekolah Menengah Kebangsaan Alang Iskandar Bagan Serai, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz Teluk Intan, Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggung Kati Kuala Kangsar, Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 4 Gerik dan Kolej Vokasional Teluk Intan.





## INOVASI PENGURUSAN PP LAHIR PELADANG PROGRESIF 2016

### Pertubuhan Peladang Kawasan Kampung Gajah Teknik Fogging Dalam Semburan Racun Serangga

Oleh: Norsidah binti Haji Mohd Nor

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kampung Gajah telah menjalankan inovasi pertama penggunaan Fogging bagi Tanaman Fertigasi Cili dan Timun. Inovasi ini merupakan teknik semburan racun serangga pada tanaman cili dan timun. Teknik ini dapat membantu dalam menjimatkan masa sebanyak 48 hari bagi kaedah pertama dan 24 hari bagi kaedah kedua. Nyata, inovasi yang dijalankan ini telah menyumbang hasil pengeluaran yang amat membanggakan kepada PPK.

Hasil pengeluaran yang diperolehi telah dipasarkan ke Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian PPK Kampung Gajah. Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian ini merupakan salah satu perkhidmatan yang disediakan kepada ahli-ahli peladang. PPK ini juga menawarkan perkhidmatan lain seperti Pusat Penimbang Kelapa Sawit, Pemasaran Air Mineral, Jualan Benih Kelapa Sawit, Agen Pengurusan Ladang, Kedai Input Pertanian, Perkhidmatan Kejenteraan, Projek Tanaman Fertigasi, Projek Tanaman Kontan dan Tawaran kursus serta latihan kepada ahli.



## **INOVASI PENGURUSAN LPP NEGERI TERBAIK 2016**

**Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Melaka  
Infoblast Messaging System**

Oleh: Norsidah binti Haji Mohd Nor



Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Melaka telah mempraktikkan inovasi dengan menggunakan Infoblast Messaging System. Inovasi yang digunakan ini membolehkan sistem penyampaian maklumat lebih efektif, cepat dan teratur. Secara ringkasnya, Infoblast adalah satu perkhidmatan di atas talian yang membolehkan pesanan dihantar menggunakan komputer dan terus ke telefon mudah alih penerima. Melalui inovasi ini, segala urusan mesyuarat atau penyampaian maklumat mudah disampaikan dan dapat menjimatkan kos. Hanya dalam 10 minit sahaja maklumat dapat disampaikan terus kepada penerima. Sebarang maklumat boleh dihantar hanya dengan sekali ‘klik’ kepada ribuan anggota penerima.

Ciptaan Infoblast Messaging System ini dapat mengurangkan penggunaan surat dan menjimatkan bil telefon di mana sebelum sistem ini direka, kos bil sebulan adalah RM700. Melalui penggunaan sistem ini, kos bil sebulan telah berkurangan kepada RM450. Peralatan yang boleh digunakan untuk mengaplikasikan sistem ini adalah handphone, laptop dan komputer. Inovasi yang dicipta ini memberi kemudahan kepada pengguna kerana ia boleh diakses dimana-mana sahaja.



## **INOVASI PENGURUSAN BAHAGIAN IBU PEJABAT LPP TERBAIK 2016**

**Bahagian Penyeliaan Dan Penguatkuasaan  
Pengkalan Data Bahagian**

Oleh: Norsidah binti Haji Mohd Nor

Bahagian Penyeliaan Dan Penguatkuasaan, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah menjalankan inovasi melalui penggunaan Microsoft Excel. Sistem Pengkalan Data yang menggunakan Microsoft Excel ini mengandungi 24 Sub Menu yang hanya boleh diakses oleh semua anggota di Bahagian Penyeliaan sahaja. Walaubagaimanapun, sebahagian data boleh diakses oleh PP. Maklumat yang diakses adalah secara ‘real time’ dimana lebih mudah, cepat dan tepat.

Ciptaan inovasi yang dijalankan ini dapat memudahkan segala urusan yang dilakukan oleh Pertubuhan Peladang (PP) dan anggota di Bahagian Penyeliaan, seperti mempercepatkan permohonan dan proses pendaftaran, memudahkan anggota baru ditempatkan di PP membuat pendaftaran, mengurangkan risiko maklumat tidak lengkap dan menjimatkan masa. Inovasi ini berjaya menampilkkan kreativiti yang dimiliki oleh anggota LPP dalam memudahkan proses kerja kerana ia dapat diakses di mana-mana oleh pengguna.

Tambahan lagi, inovasi yang dihasilkan ini adalah genuine yang mana mempunyai ciri-ciri keunikan tersendiri. Ia dihasilkan melalui kreativiti anggota bahagian ini sendiri dan dapat membantu dalam pelaksanaan proses kerja harian. Tahniah Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan!

# INOVASI PENGURUSAN PPN JENTERA TERBAIK 2016

## Pertubuhan Peladang Jentera Perak Utara Ciptaan “*Trans Cage Wheel*”

Oleh: Norsidah binti Haji Mohd Nor

Pertubuhan Peladang Jentera Negeri (PPNJ) Perak Utara telah berjaya memperkenalkan inovasi “*Trans Cage Wheel*” iaitu teknologi alat bantu gerak yang dipasang pada roda belakang traktor. Inovasi ini membantu dalam kerja pembajakkan tanah sawah yang bermasalah, terutamanya pada tanah lembut dan berair. Kejayaan inovasi ini telah berjaya meningkatkan pendapatan dengan kluasan kawasan dibajak bertambah.

Inovasi yang dilaksanakan oleh PPNJ Perak Utara ini adalah penambahbaikan rekabentuk daripada bentuk hexagon kepada bulat bagi mengatasi masalah kelewatan membajak sawah lembut dan berair. Penambahbaikan yang dilaksanakan ini telah membuatkan hasil yang sangat positif dalam menangani permasalahan yang dihadapi oleh petani selama ini. Nyata, penganugerahan yang diperolehi oleh PPNJ Perak Utara adalah satu bonus bagi mengiktiraf inovasi yang dijalankan.





## INOVASI PENGURUSAN PEMASARAN TERBAIK 2016

### Pertubuhan Peladang Negeri Johor Penghapusan Segmen Borong Kepada Segmen Tunai

Oleh: Norsidah binti Haji Mohd Nor

Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Johor mewujudkan beberapa inovasi pemasaran yang membawa kejayaan kepada PPN. Antara langkah inovasi yang dijalankan adalah penghapusan segmen borong kepada segmen tunai yang telah meningkatkan jualan tunai melalui *outlet* Peladangnita dan Peladangmuda. Seterusnya, PPN Johor telah menaiktaraf *outlet* kepada agrobazaar bagi memasarkan produk-produk yang halal, bersih, berkualiti dan berdaya saing. Selain itu, PPN Johor juga berjaya mewujudkan usahawan peladang muda melalui Program Kortani dan Peladangnita. PPN Johor juga telah mempromosikan produk-produk yang dihasilkan melalui pemasangan *signboard*, poster, video korporat, *sticker* yang dipasang pada lori dan peti penyejuk beku serta pamphlet. Ini dapat memberi pengetahuan yang lebih meluas kepada pelanggan terhadap produk yang dipasarkan.

Selain itu, pengiklanan produk turut dilakukan menerusi Youtube dan Facebook. Penggunaan pengiklanan sebegini adalah secara percuma namun ia dapat memberi impak yang positif kerana

maklumat mengenai produk yang ditawarkan boleh dicapai secara terus oleh pengguna media sosial berkenaan. PPN Johor turut mengecilkan skop pemasaran kepada radius yang lebih kecil bagi menjimatkan kos penghantaran produk. PPN Johor berusaha meningkatkan kesedaran mengenai produk halal, segar, bersih dan berkualiti tinggi kepada golongan sasar.



# INOVASI PENGURUSAN UNIT PELADANG AKTIF 2016

## Pertubuhan Peladang Kawasan Tawau Perkhidmatan Pinjaman Pembangunan Usahawan Peladang (PUP)

Oleh: Norsidah binti Haji Mohd Nor



Bagi melahirkan ahli-ahli PPK yang aktif, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tawau, Sabah telah menggalakkan penglibatan ahlinya melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PPK. Penyertaan ahli peladang ini menjadi aspek utama dan sangat diberi penekanan oleh PPK Tawau. Inilah yang membawa kejayaan kepada PPK Tawau yang telah merangkul Anugerah Inovasi Pengurusan Unit Peladang Aktif Terbaik 2016. Pelbagai aktiviti sosial telah diadakan untuk ahli antaranya gotong-royong, lawatan sambil belajar, majlis keagamaan dan kursus yang berkaitan dengan pertanian.

Pada tahun 2015, mesyuarat agung unit-unit di bawah kendalian PPK Tawau telah mencatatkan jumlah kehadiran seramai 1,691 orang ahli. Ini menunjukkan penglibatan ahli yang sangat aktif dalam program-program anjuran unit masing-masing di PPK Tawau. Lebih membanggakan lagi, jumlah keahlian juga meningkat daripada 2,227 orang ahli pada tahun 2014 kepada 2,358 orang pada tahun 2015. Ini seterusnya memberi kesan yang positif kepada jumlah saham ahli di PPK Tawau pada tahun ini apabila berjaya ditingkatkan sehingga mencecah RM125,573.

PPK Tawau menjalankan inovasi Pinjaman Pembangunan Usahawan Peladang (PPUP). Inovasi pinjaman ini diadaptasi daripada Pinjaman PUP dibawah program Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Walaubagaimanapun, inovasi pinjaman ini menggunakan dana yang diperuntukkan oleh PPK. Inovasi yang dijalankan ini telah memberi peluang lebih ramai ahli untuk menikmati perkhidmatan pinjaman ini. Tambahan pula, tempoh masa bagi meluluskan pinjaman adalah singkat iaitu selama 97 hari berbanding sebelum ini 210 hari. Sehingga kini seramai 53 orang ahli telah menikmati kemudahan ini.

## INOVASI PENGURUSAN PROJEK PENGELUARAN TERBAIK 2016 (KATEGORI TERNAKAN)

### Pertubuhan Peladang Negeri Perak Lembu Integrasi Secara Pusingan Ragutan

Oleh: Norsidah binti Haji Mohd Nor

Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Perak telah memperkenalkan inovasi Pengurusan Penjagaan Lembu Integrasi Secara Pusingan Ragutan. Melalui inovasi yang dijalankan ini waktu bekerja menjadi lebih cekap iaitu dari dua hari kepada sehari. Inovasi yang dijalankan ini juga dapat mengurangkan tenaga kerja dan kos merumpai di kawasan ladang kelapa sawit. Kesannya, PPN Perak dapat meningkatkan sumber pendapatan dari inovasi yang dijalankan ini. Tambahan lagi, pengurusan projek yang dilaksanakan adalah lebih sistematik dan teratur.

Kejayaan yang dicapai oleh PPN Perak ini amat dipengaruhi oleh pengurusan projek yang amat baik bagi memastikan perjalanan projek ini dapat diteruskan dan dibesarkan pada masa akan datang. Justeru, penganugerahan yang diberikan ini adalah setimpal dengan usaha yang dilakukan bagi menyumbang kepada keuntungan melalui projek yang dijalankan.



## INOVASI PENGURUSAN INDUSTRI ASAS TANI TERBAIK 2016

### Pertubuhan Peladang Kawasan Lahar Bubu

#### Mesin Semburan Untuk Rawatan Benih Padi Dengan Menggunakan Herba

Oleh: Norsidah binti Haji Mohd Nor

Semenjak beroperasi sepenuhnya pada tahun 2007, kilang padi dibawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK Lahar Bubu) telah menunjukkan prestasi yang amat membanggakan. Selain belian padi sah yang berjaya ditingkatkan, pengurusan kilang ini juga mampu membuktikan aktiviti pemprosesan dapat memberi pulangan menguntungkan. Ini dapat dilihat apabila nilai jualan tahunan pada 2015 adalah sebanyak RM20,067,673.77. Harga belian padi pula berjaya ditingkatkan dari RM1,100 per MT ke RM1,250 sehingga RM1,450 per MT. Tambahan lagi, harga benih padi sah dijual dengan lebih murah di pintu kilang pada harga RM28 per beg. Sehingga kini, sebanyak 1.035 juta kampit benih padi dikeluarkan untuk petani dengan penawaran harga yang berpatutan serta mudah diperolehi.

Pencapaian cemerlang yang diperolehi oleh PPK Lahar Bubu ini adalah melalui ciptaan program inovasi baharu bagi peningkatan pengeluaran benih padi yang berkualiti. Ciptaan mesin semburan untuk rawatan benih padi menggunakan herba yang dapat mengelakkan serangan bubuk, merupakan inovasi yang paling utama dalam kejayaan kilang ini. Melalui ciptaan ini, pihak pengurusan kilang padi di bawah PPK ini dapat mengurangkan kadar benih padi yang rosak, menjimatkan masa dalam penghasilan benih padi yang berkualiti, serta mengelakkan kerugian dalam penghasilan benih padi. Aduan pelanggan mengenai kadar benih padi yang rosak juga telah berkurangan hasil daripada inovasi ini.